

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	3 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	E 3	RUANGAN	EKONOMI

Tabung Haji terima tawaran miliki THIP

LEMBAGA Tabung Haji (TH) mengumumkan ia sudah menerima cadangan tawaran daripada syarikat berpangkalan di Indonesia untuk memiliki 95 peratus kepentingan ekuitinya dalam PT TH Indo Plantation (THIP) secara bersyarat.

Penerimaan berkenaan berikutan penilaian tawaran, adalah tertakluk kepada butir-butir yang akan dimuktamadkan bila tiba masanya, demikian menurut TH dalam satu kenyataan semalam.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata THIP memiliki dan mengusahakan 83,879 hektar ladang sawit di Riau, Indonesia.

Tawaran itu dijangka memberi peluang yang baik kepada Tabung Haji untuk merealisasikan kenaikan nilai pelaburannya dalam THIP.

"Berbanding dengan nilai pelaburan awalnya, tawaran yang diterima bakal memberi transaksi dan pulangan pelaburan yang baik seperti ini dan akan tentunya memberi faedah kepada pendeposit secara langsung," kata Ismee.

Hasil daripada penjualan itu dijangka dilaburkan dalam aset perlادangan lain. – BERNAMA